

IDEA FALSAFAH SEJARAH IBNU KHALDUN DALAM ANALISIS PEMBINAAN DAN PERKEMBANGAN KERAJAAN UTHMANIYAH OLEH MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM

Muhammad Alif Fitri Abdul Halim
Institut Islam Hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Ermy Azziaty Rozali
Institut Islam Hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Corresponding Author's Email: ermy@ukm.edu.my

Article history:

Received : 4 April 2023

Accepted : 10 April 2023

Published : 10 Mei 2023

ABSTRAK

Ibnu Khaldun merupakan seorang tokoh yang utama dalam wacana soal sejarah, peradaban, falsafah sejarah, sosiologi dan yang seumpama dengannya. Menerusi karya besarnya, *al-Muqaddimah*, para pengkaji dan sejarawan selepas beliau telah mendapat pelbagai manfaat menerusi cetusan-cetusan idea, konsep dan teori berkenaan dengan kehidupan manusia. Antara pengkaji dan sejarawan yang turut memanfaatkan karya *al-Muqaddimah* ini ialah Muhammad Jamil Bayyuhum. Beliau merupakan seorang pengkaji dan sejarawan yang berasal dari Lubnan yang hidup di dua kurun yang berbeza; akhir kurun ke-19M dan kurun ke-20M. Muhammad Jamil Bayyuhum juga merupakan seorang penulis yang produktif. Menulis sebanyak 23 buah karya berkaitan sejarah dan isu-isu di Dunia Arab melayakkan beliau digelar sebagai *al-Mufakkir al-Kabir* (Pemikir Besar). Salah satu karya penting yang ditulis oleh beliau berjudul *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*. Ia terdiri daripada dua jilid. Jelas pada judulnya bahawa karya ini berkenaan sejarah kerajaan Uthmaniyah. Jilid yang pertama diterbitkan pada tahun 1925 memfokuskan kepada era pembinaan, perkembangan dan kegemilangan kerajaan Uthmaniyah. Manakala jilid yang kedua pula diterbitkan pada tahun 1945 berkisarkan sebab-sebab kejatuhan kerajaan ini. Kajian berteraskan kepada tiga objektif iaitu memaparkan idea falsafah sejarah Ibnu Khaldun yang terkandung di dalam *al-Muqaddimah*, menjelaskan idea falsafah sejarah Muhamamd Jamil Bayyuhum yang terkandung di dalam *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* jilid pertama dan menilai sejauh mana analisis yang telah dilakukan oleh Muhammad Jamil Bayyuhum selari dengan idea falsafah sejarah Ibnu Khaldun. Dari segi metodologi, kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian sejarah dan analisis dokumen. Data-data yang dikaji itu adalah bersumberkan dua rujukan utama iaitu karya *al-Muqaddimah*

dan *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* jilid pertama. Ia bermula dengan proses pembacaan, penganalisan dan pensintesis maklumat-maklumat yang memiliki ciri-ciri untuk dianggap sebagai suatu idea daripada kedua-dua karya tersebut. Fokusnya adalah berkaitan dengan falsafah sejarah. Kajian ini juga turut disokong oleh karya-karya turath dan kontemporari. Hasil kajian mendapati bahawa daripada lima idea falsafah sejarah yang diutarakan oleh Ibnu Khaldun, tiga daripadanya telah diaplikasikan dengan baik oleh Muhammad Jamil Bayyuhum.

Kata kunci: Falsafah sejarah, Ibnu Khaldun, Muhammad Jamil Bayyuhum

***THE IDEA OF THE HISTORICAL PHILOSOPHY OF IBN
KHALDUN IN THE ANALYSIS OF THE CONSTRUCTION AND
DEVELOPMENT OF THE OTTOMAN EMPIRE BY MUHAMMAD
JAMIL BAYYUHUM***

ABSTRACT

Ibn Khaldun is a major figure in the discourse on history, civilization, historical philosophy, sociology and the like. Through his great work, al-Muqaddimah, researchers and historians after he has benefited from various ideas and theories regarding human life. Among the researchers and historians who also took advantage of the work of al-Muqaddimah is Muhammad Jamil Bayyuhum. He is a Lebanese researcher and historian who lived in two different centuries; the end of the 19th century and the 20th century. Muhammad Jamil Bayyuhum was also a prolific writer. Writing 23 works related to history and issues in the Arab World, he is known as al-Mufakkir al-Kabir (Great Thinker). One of the important works written by him is titled Philosophy al-Tarikh al-'Uthmani. It consists of two volumes. It is clear on the title that this work concerns the history of the Uthmaniyah empire. The first volume published in 1925 focuses on the era of construction, development and glory of the Uthmaniyah empire. While the second volume was published in 1945 on the reasons for the fall of this government. The study is based on three objectives which is to display the idea of the historical philosophy of Ibn Khaldun contained in al-Muqaddimah, explain the idea of the historical philosophy of Muhamamd Jamil Bayyuhum contained in Philosophy al-Tarikh al-'Uthmani the first volume and evaluate the extent of the analysis done by Muhammad Jamil Bayyuhum in line with the idea of the historical philosophy of Ibn Khaldun. In terms of methodology, the study is qualitatively shaped using the approach of historical study and document analysis. The data studied are based on two main references, namely the work of al-Muqaddimah and Philosophy al-Tarikh al-'Uthmani the first volume. It begins with the process of reading, analyzing and synthesizing information that has the characteristics to be considered as an idea of both works. The focus is related to historical philosophy. The study is also supported by turath and contemporary works. The results of the study found that out of the five historical philosophical ideas

expressed by Ibn Khaldun, three of them were well applied by Muhammad Jamil Bayyuhum.

Keywords: *Historical philosophy, Ibn Khaldun, Muhammad Jamil Bayyuhum*

PENDAHULUAN

Dalam membicarakan soal falsafah sejarah, tokoh besar seperti Ibnu Khaldun terus menjadi rujukan utama bagi para pengkaji yang terus ingin mengembangkan lagi bidang ini. Walau bagaimanapun, masih tidak ramai tokoh yang diketahui telah terlibat dalam usaha pengembangan idea ini. Salah seorangnya bernama Muhammad Jamil Bayyuhum. Beliau merupakan seorang sejarawan dan ahli politik dari Lubnan yang hidup pada abad ke-19 dan 20M. Kajian ini bertitik tolak daripada pernyataan yang dikeluarkan oleh Umar Farukh (1979), seorang tokoh sasterawan dan pentahkik karya-karya turath Islam dari Lubnan yang menyatakan bahawa idea dan pemikiran sejarah yang di bawa oleh Muhammad Jamil Bayyuhum melalui falsafah sejarahnya itu adalah kesinambungan daripada idea dan pemikiran yang telah digagaskan oleh Ibnu Khaldun menerusi karya al-Muqaddimah. Namun, perbezaannya ialah Ibnu Khaldun hanya membentuk suatu kaedah kepada kerangka falsafah sejarah secara umum, namun Muhammad Jamil Bayyuhum telah selangkah ke hadapan dengan mengaplikasikannya kepada sejarah yang bersifat khusus iaitu sejarah Uthmaniyah dan juga kaitannya dengan sejarah Byzantine.

Maka, penulisan ini dihasilkan bagi membuktikan kata-kata Umar Farukh itu dengan cara menganalisis karya al-Muqaddimah Ibnu Khaldun bagi mendapatkan satu senarai idea pemikiran falsafah sejarahnya. Kemudian, diikuti dengan penghuraian idea falsafah sejarah oleh Muhammad Jamil Bayyuhum menerusi karyanya, Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani. Akhir sekali, kajian dirumuskan bagi melihat apakah idea Ibnu Khaldun yang telah digunakan oleh Muhammad Jamil Bayyuhum dalam penulisan karyanya itu dalam membicarakan soal 'Pembinaan, Perkembangan dan Kegemilangan Kerajaan Uthmaniyah.' Hal ini disebabkan oleh tindakan menilai semula penggunaan idea Ibnu Khaldun ini diakui oleh Murat Önder dan Fatih Ulaşan (2018) sebagaimana katanya:

His theory can be re-evaluated with the dynamism of knowledge and science rather than physical dynamism.

Justeru, adalah tidak pelik sekiranya muncul sejarawan seperti Muhammad Jamil Bayyuhum mengaplikasikan idea falsafah sejarah Ibnu Khaldun namun sudah tentu dengan sedikit penyesuaian terhadap konteks sejarah yang dibincangkan. Dalam hal ini, sejarah kerajaan Uthmaniyah menjadi topik utama kajian ini.

IDEA FALSAFAH SEJARAH IBNU KHALDUN MENERUSI *AL-MUQADDIMAH*

Ketokohan dan keluasan ilmu yang dimiliki oleh Ibnu Khaldun berkenaan sejarah dan peradaban tidak dapat disangkal lagi. Abdurrahman Kasdi (2014) menyatakan bahawa semua itu adalah disebabkan oleh pengalaman beliau yang banyak itu telah menjadi asas kepadanya untuk menyusun teori dan teras pemikirannya dalam karya *al-Muqaddimah* dan beberapa karya lain yang mana menjadi rujukan berkenaan sejarah peradaban umat manusia. Tambahan pula kenyataan ini disokong oleh Emrah Kaya (2020) yang mengakui bahawa ramai pengkaji telah turut sama mengembangkan idea-idea Ibnu Khaldun menerusi pelbagai sudut kajian disebabkan oleh beliau sendiri memiliki penilaian yang signifikan berkenaan politik, budaya, ekonomi, sejarah dan sosiologi. Bukan itu sahaja, pemikiran beliau dari sudut agama, falsafa dan kesufian juga turut layak diberikan perhatian. Maka, tidak hairanlah terdapat sesetengah pengkaji menggambarkan Ibnu Khaldun sebagai ahli teori politik, ekonomi, sejarawan, ahli falsafah bahkan seorang sufi.

Maka, berbalik kepada fokus utama kajian ini, hasil daripada analisis yang telah dilakukan, pengkaji telah menemui sebanyak lima idea Ibnu Khaldun yang berkaitan dengan falsafah sejarah. Kesemua lima idea tersebut dipilih berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh Abdul Rahman (2009) bahawa bidang falsafah sejarah terbahagi kepada dua sisi. Pertama, dari sisi sejarah dan perkembangannya. Kedua, dari sisi prinsip-prinsip sejarah secara sistematik. Maka, yang dibincangkan ini adalah berkenaan prinsip-prinsip sejarah yang telah digariskan secara sistematik oleh Ibnu Khaldun menerusi karyanya, *al-Muqaddimah*.

i. Sejarah Bersifat Zahir Dan Batin

Ibnu Khaldun berkata (2004):

إِذْ هُوَ فِي ظَاهِرِهِ لَا يَزِيدُ عَلَى أَحْبَابٍ عَنِ الْأَيَّامِ وَالِدُّوَلِ، وَالسَّوَابِقِ مِنَ
الْفُرُوقِ الْأُولِ، تَنْمُو فِيهَا الْأَقْوَالُ، وَتُضْرَبُ فِيهَا الْأَمْثَالُ وَتُطْرَفُ بِهَا الْأَنْدِيَةُ
إِذَا عَصَّهَا الْاِحْتِفَالُ، وَتُؤَدِّي لَنَا شَأْنَ الْحَلِيقَةِ كَيْفَ تَقَلَّبَتْ بِهَا الْأَحْوَالُ،
وَاتَّسَعَ لِلدُّوَلِ الرَّطَاقُ فِيهَا وَالْمَجَالُ، وَعَمَّرُوا الْأَرْضَ حَتَّى نَادَى بِهِمُ
الْاِرْتِحَالُ، وَحَانَ مِنْهُمْ الرِّوَالُ، وَفِي بَاطِنِهِ نَظْرٌ وَتَحْقِيقٌ، وَتَعْلِيلٌ لِلْكَائِنَاتِ
وَمَبَادِيهَا دَقِيقٌ، وَعِلْمٌ بِكَيْفِيَّاتِ الْوَقَائِعِ وَأَسْبَابِهَا عَمِيقٌ، فَهُوَ لِذَلِكَ أَصِيلٌ
فِي الْحِكْمَةِ عَرِيقٌ، وَجَدِيدٌ.

Terjemahannya: “Adapun ia (sejarah) itu pada zahirnya tidak lebih daripada perkhabaran -perkhabaran berkenaan hari-hari dan negara-negara serta masyarakat daripada kurun yang terdahulu. Ia mencambahkan pelbagai pendapat berkenaannya, diambil sebagai contoh dan menjadikan sesuatu perkumpulan itu ekstrim apabila ia diraikan dengan semakin mendalam. Sejarah itu juga memberikan kita suatu cetusan berkenaan bagaimana berlakunya perubahan-perubahan tersebut, meluasnya sesebuah wilayah kekuasaan negara-negara serta bidang-bidang mereka, bagaimana mereka memakmurkan dunia sehingga mereka diseru untuk berangkat pergi dan lenyaplah mereka itu. Pada batinnya pula, sejarah merupakan suatu teori (nadzar), penyemaman (tahqiq) dan penyebab (ta’lil) kepada alam dan seluruh prinsip-prinsipnya yang terperinci. Ia juga berkaitan dengan ilmu tentang bagaimana proses terjadinya sesuatu peristiwa dan juga sebab-sebabnya yang mendalam. Inilah (aspek batin) merupakan keaslian di dalam hikmah (kebijaksanaan) silam dan bernilai.”

ii. Sejarah Bersifat Komprehensif

Ibnu Khaldun berkata (2004):

وَأَتَّبَعْتُ بِهَا مَا كَتَبْتُهُ فِي تِلْكَ الْأَسْطَارِ، وَأَدْرَجْتُهَا فِي ذِكْرِ الْمَعَاصِرِينَ
لِتِلْكَ الْأَجْيَالِ مِنْ أُمَّمِ النَّوَاجِي، وَمُلُوكِ الْأَمْصَارِ مِنْهُمْ وَالضَّوَاجِي، سَالِكًا
سَبِيلَ الْاِحْتِصَارِ وَالتَّلْخِيصِ، مُفْتَدِيًا بِالْمَرَامِ السَّهْلِ مِنَ الْعَوِيصِ.

Terjemahannya: “Dan saya telah mengikuti dengan penulisan ini apa yang telah saya tulis di lembaran-lembaran tersebut. Saya juga telah melakukan penambahan dengan menyebut tentang generasi-generasi semasa umat-umat tersebut, para raja yang memerintah wilayah dalam kalangan mereka serta masyarakat di pinggir bandar secara ringkas dan mudah dengan mengharapakan ia mudah difahami.”

iii. Sejarah Perlukan Penilaian terhadap Sumber

Ibnu Khaldun berkata (2004):

وَالنَّاقِدُ الْبَصِيرُ قَسْطَاسُ نَفْسِهِ فِي تَرْيِيفِهِمْ فِيمَا يَنْقُلُونَ أَوْ اعْتَبَارِهِمْ.

Terjemahannya: *“Dan seorang pengkritik yang teliti akan menyeimbangkan dirinya dalam melihat kesilapan mereka (sejawaran) dalam apa yang mereka naqalkan atau ungkapkan.*

iv. Sejarah Mengandung Faedah

Ibnu Khaldun berkata (2004):

إِعْلَمَ أَنَّ فَنَ التَّارِيخِ فَنُّ عَزِيْزُ المَذْهَبِ، جَمُّ الفَوَائِدِ، شَرِيْفُ العَايَةِ، إِذْ هُوَ يُؤَفِّقُنَا عَلَى أَحْوَالِ المَاضِيْنَ مِنَ الأُمَّمِ فِي أَحْلافِهِمْ، وَالأَنْبِيَاءِ فِي سِيَرِهِمْ، وَالمُلُوكِ فِي دَوْلِهِمْ وَسِيَاسَتِهِمْ. حَتَّى تَتِمَّ فَائِدَةُ الاِقتِداءِ فِي ذَلِكَ لِمَنْ يَرُومُهُ فِي أَحْوَالِ الدِّينِ وَالدُّنْيَا.

Terjemahannya: *“Ketahuilah bahawa bidang kajian dalam ilmu sejarah merupakan suatu bidang kajian yang mulia aliran azhabnya, memiliki pelbagai faedah dan tujuan yang mulia. Hal ini memandangkan ia membawa kita melihat hal ehwal keadaan silam yang terdiri daripada kisah umat-umat yang pelbagai, para nabi dan perjalanan hidup mereka dan para raja di negara dan politik mereka. Hinggaan sempurna faedahnya apabila diperoleh oleh sesiapa yang menghargainya baik dalam soal hal ehwal agama dan dunia.”*

v. Sejarah Memerlukan Rujukan dan Pengetahuan yang Pelbagai

Ibnu Khaldun berkata (2004):

فَهُوَ مُتَحْتَاجٌ إِلَى مَاخِذٍ مُتَعَدِّدَةٍ وَمَعَارِفٍ مُتَنَوِّعَةٍ وَحُسْنِ نَظَرٍ وَتَثْبِيْتٍ، يُفْضِيَانِ بِصَاحِبِهِمَا إِلَى الحَقِّ، وَيُنَكِّبَانِ بِهِ عَنِ المَزَلَّاتِ وَالمَعَالِطِ.

Terjemahannya: *“Ia (sejarah) memerlukan kepada sumber pengambilan (rujukan) yang pelbagai, pengetahuan yang banyak serta ketelitian dalam melihat dan menetapkan (kebenaran). Dengan cara ini, ia akan membawa pemiliknya kepada kebenaran serta mengelakkannya daripada tergelincir dan kesilapan.”*

Kelima-lima idea falsafah sejarah Ibnu Khaldun ini kemudiannya akan dilakukan analisis perbandingan dengan idea falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum. Hasil kajian pengkaji (2022), pengkaji telah berjaya merungkai bahawa terdapat tiga idea falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum

menerusi karyanya Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani iaitu pertama; menghubungkan sebab dan akibat, kedua; melibatkan sejarah dunia dan ketiga; pemilihan sumber yang berautoriti. Pengkaji juga telah menghuraikan secara terperinci berkenaan ketiga-tiga perkara tersebut. Justeru, dalam kertas kajian ini, pengkaji ingin membuktikan bahawa wujudnya pengaruh pemikiran Ibnu Khaldun di dalam analisis yang telah dilakukan oleh Muhammad Jamil Bayyuhum dengan melihat kepada salah satu topik utama Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani iaitu pembinaan dan perkembangan kerajaan Uthmaniyah.

IDEA FALSAFAH SEJARAH MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM MENERUSI FALSAFAH AL-TARIKH AL-'UTHMANI DALAM ANALISIS PEMBINAAN DAN PERKEMBANGAN KERAJAAN UTHMANIYAH

Karya Falsafah *al-Tarikh al-'Uthmani* merupakan sebuah karya yang masih belum dikaji oleh para pengkaji falsafah sejarah. Buktinya, nama penulisnya iaitu Muhammad Jamil Bayyuhum masih juga sehingga kini dalam kajian-kajian falsafah sejarah semasa. Justeru adalah menjadi keperluan tokoh ini diangkat dengan cara pengkajian terhadap idea dan pemikirannya melalui hasil penulisannya yang penting ini. Sebagaimana yang pengkaji telah sebutkan di bahagian pendahuluan, karya *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani* terdiri daripada dua jilid yang berfokuskan kepada sejarah kerajaan Uthmaniyah. Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada jilid yang pertama yang mana perbincangannya berteraskan 'pembinaan, perkembangan dan kegemilangan.'

Maka, daripada kesemua lapan bab buku ini, tiga daripadanya menyentuh tentang faktor-faktor yang membantu kejayaan kerajaan Uthmaniyah. Bakinya pula hanya sekadar naratif tentang sejarah Uthmaniyah. Tiga bab tersebut terdiri daripada bab yang keempat, kelima dan keenam. Berikut merupakan perincian tiga bab tersebut:

Jadual 1: Faktor-Faktor yang Membantu Kejayaan Kerajaan Uthmaniyah

| Faktor-Faktor yang Membantu Kejayaan Kerajaan Uthmaniyah | |
|--|---|
| ما الذى ساعد على فلاح العثمانية؟ | |
| BAB | TAJUK |
| 4 | Faktor Dalaman العوامل الداخلية |
| 5 | Faktor Luaran – Pengaruh Asia dan pengaruh Afrika العوامل الخارجية – المساعدات الآسيوية والمساعدات الإفريقية |
| 6 | Faktor Luaran – Situasi Politik di Dunia Kristian العوامل الخارجية – العوامل السياسية في عالم المسيحي |

1. Faktor Dalaman

Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) memulakan analisis beliau pada bab yang keempat dengan berusaha untuk merungkai faktor-faktor dalaman iaitu yang melibatkan kerajaan Uthmaniyah itu sendiri. Menurut beliau, terdapat lima perkara yang menjadi teras kepada pembinaan, perkembangan dan kegemilangan kerajaan Uthmaniyah iaitu Pendekatan Negara, Para Sultan Negara, Identiti Negara, Penguasaan dan Persediaan dan Ibu Kota Negara.

Teras yang pertama ialah Syariat Negara (شريعة الدولة). Dalam hal ini, Muhammad Jamil Bayyuhum menyentuh soal kesan pengaruh Islam terhadap pembentukan Uthmaniyah. Beliau membelegikannya kepada dua iaitu dari segi pembinaan politik negara menurut acuan Islam dan dari segi sikap yang ditunjukkan oleh pada sultan dalam pemerintahan dan pengaruh yang diberikan melalui cara pemerintahan mereka.

Teras yang kedua ialah Para Sultan Negara (السلطين الدولة). Muhammad Jamil Bayyuhum memfokuskan kupasannya kepada para sultan Uthmaniyah yang dikenali meneruskan legasi para pemerintah Islam dalam melancarkan ekspedisi *futuhat* atau pembukaan wilayah baharu. Namun, di samping itu, terdapat tiga ciri utama yang dimiliki oleh para sultan tersebut iaitu sikap ihsan dan takwa, belas kasihan dan lemah lembut serta ilmu dan ahlinya. Ketiga-tiga ciri yang dimiliki oleh sultan yang bergelar *al-fatihun* inilah yang membantu kepada proses pembinaan, perkembangan dan kegemilangan kerajaan Uthmaniyah.

Teras yang ketiga ialah Identiti Negara (عنصر الدولة). Muhammad Jamil Bayyuhum mengakui bahawa kerajaan Uthmaniyah dibina oleh puak-puak berbangsa Turki yang dahulunya hidup secara nomad. Maka, tidak dapat dinafikan, walaupun mereka akhirnya telah berjaya membina sebuah negara yang besar, terdapat suatu identiti yang terus kekal dalam kalangan bangsa Turki amnya dan para sultan Uthmaniyah khususnya. Identiti tersebut menurut beliau ialah, 'kekuatan dan fitrah mereka yang bersemangat tinggi dalam peperangan.'

Teras yang keempat ialah Penguasaan dan Persediaan (الدربة والعُدد). Dalam hal ini, Muhammad Jamil Bayyuhum mengakui bahawa keberanian merupakan senjata terbaik ketika berlakunya sesuatu krisis namun ia tidak boleh selamanya menjadi jaminan kemenangan sekiranya tidak diikuti dengan perkara yang lebih penting iaitu penguasaan dalam seni peperangan dan juga kelebihan dari segi persediaan. Diceritakan bagaimana para sultan terawal Uthmaniyah berjaya memenangi peperangan mereka melalui teras yang keempat ini.

Teras yang kelima ialah Ibu Kota Negara (عاصمة الدولة). Selepas mengupas soal faktor-faktor yang berunsurkan bukan berbentuk kebendaan, Muhammad Jamil Bayyuhum menutup kupasannya berkenaan faktor dalaman yang membantu proses pembinaan, perkembangan dan kegemilangan kerajaan

Uthmaniyah dengan mengakui bahawa aspek kebendaan atau material juga penting. Ia merujuk kepada keperluan sebuah negara yang sedang berkembang kepada sebuah pusat pentadbiran dan ibu kota yang terbaik. Maka, dalam hal ini, kota Istanbul yang dahulu dikenali sebagai Constantinople yang telah memenuhi kriteria tersebut. Beliau menjelaskan bahawa kota Constantinople secara teorinya apabila dilihat telah memenuhi kriteria sebagai sebuah pusat pemerintahan yang terbaik dari segi unsur-unsur maknawi dan kebendaan. Tambahan pula, ia turut dihiasi dengan keindahannya serta memiliki pelindung semula jadi. Muhammad Jamil Bayyuhum turut memetik kata-kata Napoleon, *“Seandainya dunia ini sebuah negara, maka kota Constantinoplelah pilihan yang terbaik untuk menjadi ibu kotanya.”*

2. Faktor Luaran – Faktor Asia Dan Faktor Afrika

Selepas menganalisis faktor-faktor dalaman melibatkan kerajaan Uthmaniyah, Muhammad Jamil Bayyuhum meneruskan analisisnya terhadap faktor luaran pula menerusi bab yang kelima. Ia bermaksud, faktor-faktor di luar atau yang tiada kaitan dengan kerajaan Uthmaniyah namun telah memberikan kesan kepada kejayaan proses pembinaan, perkembangan dan kegemilangannya. Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) membahagikan faktor ini kepada dua bahagian utama dan setiap satunya pula terpecah kepada subtopik yang tersendiri sebagai mana rajah di bawah:

Jadual 2: Faktor Asia dan Faktor Afrika dalam membantu perkembangan kerajaan Uthmaniyah

| Faktor Asia (المساعدات الآسيوية) | Faktor Afrika (المساعدات الأفريقية) |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Para pengganti kerajaan Saljuk Rum di Konya• Tekfur-tekfur Rum (Byzantine)• Kerajaan Armenia Cilicia• Mongol | <ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Mamalik Bahriyah• Kerajaan Mamalik Circassia |

Dalam hal ini, Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) cuba untuk mengupas ‘Faktor-Faktor yang Membantu Kejayaan Kerajaan Uthmaniyah’ dari sudut geopolitik pula. Hal ini bermaksud, beliau cuba untuk menerangkan bagaimana situasi-situasi politik yang berlaku di sekitar kawasan pemerintahan Uthmaniyah di peringkat awal di kawasan Anatolia yang memberikan kesan secara tidak langsung kepada perkembangan kerajaan ini. Maka, kesan tersebut dapat dirumuskan seperti berikut:

Jadual 3: Faktor Asia dan Impak kepada kerajaan Uthmaniyah

| Faktor Asia | |
|---|--|
| Penjelasan Faktor | Impak kepada Kerajaan Uthmaniyah |
| Kejatuhan kerajaan Saljuk Rum di Konya dan kemunculan kerajaan-kerajaan kecil (Beylik) yang merdeka di Asia Kecil | Ketiadaan satu kuasa pusat membuka ruang kepada beylik-beylik Turki untuk saling meluaskan kuasanya. Beylik pimpinan Osman Bey dilihat menonjol dan terkehadapan (Syakir Afandi al-Hanbali 1913). |
| Pendekatan Osman Bey terhadap tekfur-tekfur yang berada di sekelilingnya yang memberikan tiga pilihan kepada mereka iaitu menerima Islam, membayar jizyah dan peperangan. | Sebahagian tekfur menerima Islam dan bergabung dengan kerajaan Uthmaniyah dan sebahagiannya bersetuju untuk membayar kharaj. Bakinya, mengambil polisi untuk bermusuhan dengan bantuan Mongol. Namun, gagal (Ahmad Abd al-Rahim Mushthafa 1986). |
| Kelemahan kerajaan Armenia Cilicia untuk menjadi pemain politik utama di Asia Kecil | Mereka akhirnya dikuasai oleh kerajaan Mamluk dan menghilangkan ancaman kepada kerajaan Uthmaniyah (Jacob G. Ghazarian 2000). |
| Empayar Mongol yang telah diasaskan oleh Genghis Khan telah berpecah kepada beberapa kerajaan. | Perpecahan kuasa politik Mongol ketika era awal pengasasan kerajaan Uthmaniyah sedikit sebanyak telah membantu perkembangannya (Caroline Finkel 2006). |

Jadual 4: Faktor Afrika dan Impak kepada kerajaan Uthmaniyah

| Faktor Afrika | |
|--|---|
| Penjelasan Faktor | Impak kepada Kerajaan Uthmaniyah |
| Kerajaan Mamalik Bahriyah (Turki) di Mesir terpaksa menghadapi musuh yang lebih dekat dengan mereka iaitu kerajaan Armenia Cilicia di samping daripada ketidakstabilan politik dalaman yang berlaku. | Kedudukan kerajaan Armenia Cilicia yang lemah dan isu politik dalaman menjadi penghalang kepada kerajaan Mamalik Bahriyah (Turki) di Mesir untuk mencampuri atau menggugat perkembangan kerajaan Uthmaniyah di peringkat awal penubuhannya. |
| Kerajaan Mamalik Circassia pada era penghujungnya telah berpakat dengan Shah Ismail daripada kerajaan Safawiyah yang bermazhab Syiah Ismailiyah. | Sultan Selim I terpaksa mengambil keputusan untuk memerangi kerajaan Mamalik Circassia dan menguasai keseluruhan Syam dan Mesir. |

3. Faktor Luaran – Situasi Politik Eropah

Terakhir, analisis Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) melangkah lebih jauh apabila turut menyentuh soal situasi politik di Eropah ketika itu. Bermaksud, isu yang dikupas oleh beliau adalah melibatkan kerajaan-kerajaan Kristian di benua Eropah yang berada jauh daripada lingkungan kerajaan Uthmaniyah dalam proses pembinaan, perkembangan dan kegemilangannya. Berikut merupakan topik-topik yang disentuh di dalam bab yang keenam ini:

Jadual 5: Situasi di Eropah dan Impak kepada kerajaan Uthmaniyah

| Situasi di Eropah | Impak kepada Kerajaan Uthmaniyah |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Situasi politik kerajaan-kerajaan Kristian Ortodoks di Eropah Timur• Situasi politik kerajaan-kerajaan Kristian Katolik di Eropah Timur• Situasi politik kerajaan-kerajaan Kristian Katolik di Eropah Barat• Situasi politik yang melibatkan tergunanya hubungan di antara Katolik dan Ortodoks | <ul style="list-style-type: none">• Dunia Eropah tidak mampu memberikan tumpuan penuh terhadap usaha untuk menghalang kemaraan Uthmaniyah di Eropah. |

Berkenaan situasi politik kerajaan-kerajaan Kristian Ortodoks di Eropah timur, Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) menyentuh tentang kerajaan Byzantine, Serbia, Bulgaria, Wallachia dan Moldavia. Beliau menyentuh secara ringkas sejarah pengasasan kerajaan-kerajaan ini dan mengaitkan era kelemahannya dengan semakin bertambahnya pengaruh dan kuasa politik kerajaan Uthmaniyah di Eropah. Tambahan pula kota Constantinople telah berjaya dikuasai pada era Sultan Mehmed II menguatkan lagi pengaruhnya di benua Eropah.

Hal yang sama juga berlaku kepada kerajaan-kerajaan Kristian Katolik di Eropah Timur. Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) menyentuh tentang Kesatria Teuton (Teutonic Order), kerajaan Poland, kerajaan Lithuania (Duke of Lithuania) dan kerajaan Hungary. Kelemahan kuasa politik mereka telah membuka jalan untuk kerajaan Uthmaniyah meluaskan kuasanya sehingga akhirnya sampai ke gerbang kota Vienna.

Namun keadaan berbeza pula bagi kerajaan-kerajaan Katolik di Eropah Barat. Kerajaan seperti Perancis, Jerman (Holy Roman Empire), Inggeris, Itali dan Sepanyol. Walaupun kerajaan-kerajaan ini tidaklah menjadi 'mangsa' kepada gerakan pembukaan Uthmaniyah yang aktif, namun mereka juga tetap tidak mampu untuk menghalang kemaraan kerajaan Turki ini daripada terus berkuasa di benua Eropah. Dalam hal ini, Muhammad Jamil Bayyuhum (1925)

merumuskan bahawa faktor utama adalah diebabkan oleh mereka tidak mencapai kesepakatan yang jitu dimana mereka saling bermusuhan antara satu sama lain. Walaupun adakalanya seruan daripada pope dilaungkan untuk menghalau orang-orang Turki ini dari Eropah disambut oleh sebahagian daripada mereka, namun semua itu sudah terlambat. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa lagi melainkan terpaksa akur dan menerima hakikat bahawa kerajaan Uthmaniyah sudah bertapak kukuh sehingga di persempadanan mereka.

Terakhir, Muhammad Jamil Bayyuhum (1925) mengupas soal faktor sentimen keagamaan yang melibatkan penganut Kristian di Eropah antara Ortodoks dan Katolik telah secara tidak langsung membuka jalan kepada kerajaan Uthmaniyah untuk terus meluaskan kuasanya di Eropah. Menurut beliau:

Sesungguhnya perpecahan melibatkan gereja Yunani dan Latin telah membawa kepada permusuhan yang sangat tegang dalam kalangan pengikut kedua-dua aliran ini. Ia telah diburukkan lagi ketika tercetusnya perang Salib. Maka, kerajaan Uthmaniyah menggunakan peluang ini untuk terus mengukuhkan kuasa mereka di Eropah.

Jadual 6: Negara-negara Kristian di Eropah

| Ortodoks di Eropah Timur | Katolik di Eropah Timur | Katolik di Eropah Barat |
|--|---|---|
| Byzantine, Serbia, Bulgaria, Wallachia dan Moldavia. | Kesatria Teuton (Teutonic Order), kerajaan Poland, kerajaan Lithuania (Duke of Lithuania) dan kerajaan Hungary. | Perancis, Jerman (Holy Roman Empire), Inggeris, Itali dan Sepanyol. |

Maka, dapat disimpulkan di sini bahawa Muhammad Jamil Bayyuhum mempersembahkan kepada kita satu analisis yang menyeluruh dan komprehensif. Ia bermula dengan analisis faktor-faktor dalaman yang melibatkan sisi-sisi positif yang wujud di dalam kerajaan Uthmaniyah. Kemudian, beliau menghubungkan pula faktor-faktor dalaman tersebut dengan faktor-faktor luaran yang turut wujud sehingga membantu dalam proses pengasasan dan perkembangan kerajaan ini. Satu fakta yang penting perlu diketahui adalah, era kegemilangan kerajaan Uthmaniyah berlaku pada era pemerintahan sultan ke-10 Uthmaniyah iaitu Sultan Suleiman I (Sulaiman al-Qanuni) yang tidak dibahaskan di dalam kajian ini.

Justeru, jelaslah bahawa kesemua tiga idea falsafah sejarah telah diaplikasikan oleh Muhammad Jamil Bayyuhum sebagaimana yang telah disebutkan oleh pengkaji. Pertama; beliau telah menghubungkan sebab dan akibat dalam analisis yang telah dilakukan. Kedua; beliau telah berjaya meluaskan skop kajiannya dengan mengaitkan sejarah kerajaan Uthmaniyah dengan sejarah kerajaan-kerajaan lain yang sezaman dengannya. Ketiga; beliau

telah menggunakan sumber-sumber yang berautoriti dalam penulisannya (rujuk lampiran). Ketiga-tiga idea ini telah berjaya disepadukan dengan baik sehingga menghasilkan suatu analisis yang menyeluruh berkenaan pengasasan dan perkembangan kerajaan Uthmaniyah.

PENILAIAN TERHADAP PENGAPLIKASIAN IDEA FALSAFAH SEJARAH IBNU KHALDUN DALAM ANALISIS PEMBINAAN DAN PERKEMBANGAN KERAJAAN UTHMANIYAH OLEH MUHAMMAD JAMIL BAYYUHUM

Sebanyak tiga idea falsafah sejarah telah berjaya disintesis daripada karya *Falsafah al-Tarikh al-Uthmani* oleh Muhammad Jamil Bayyuhum menerusi kajian yang lain. Ketiga-tiga idea tersebut hakikatnya telah diimplementasikan dalam kupasan berkaitan pembinaan dan perkembangan kerajaan Uthmaniyah yang telah dibincangkan lalu. Ketiga-tiga idea tersebut ialah pertama; menghubungkan sebab dan akibat dalam analisis sejarah Uthmaniyah. Kedua; meluaskan skop kajian dengan mengaitkan sejarah kerajaan Uthmaniyah dengan sejarah kerajaan-kerajaan lain yang sezaman dengannya. Ketiga; menggunakan sumber-sumber yang berautoriti dalam kajian. Pengkaji akan menjelaskan pula secara lebih terperinci untuk membuktikan wujudnya pengaruh pemikiran Ibnu Khaldun dalam pendekatan analisis Muhammad Jamil Bayyuhum. Jadual di bawah merupakan perbandingan idea falsafah sejarah Ibnu Khaldun dengan idea falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum:

Jadual 7: Perbandingan Idea Falsafah Sejarah Ibnu Khaldun dan Muhammad Jamil Bayyuhum

| Ibnu Khaldun | Muhammad Jamil Bayyuhum |
|--|--|
| 1. Sejarah bersifat zahir dan batin 2. Sejarah bersifat komprehensif 3. Sejarah perlukan penilaian terhadap sumber 4. Sejarah mengandungi faedah 5. Sejarah memerlukan rujukan dan pengetahuan yang pelbagai | 1. Menghubungkan sebab dan akibat dalam analisis sejarah Uthmaniyah 2. Meluaskan skop kajian dengan mengaitkan sejarah kerajaan Uthmaniyah dengan sejarah kerajaan-kerajaan lain yang sezaman dengannya 3. Menggunakan sumber-sumber yang berautoriti dalam kajian |
| Pengaplikasian | |
| Sejarah umum | Sejarah Uthmaniyah |

Berdasarkan maklumat yang terkandung di dalam jadual di atas, menerusi analisis pembinaan dan perkembangan kerajaan Uthmaniyah yang telah dilakukan oleh Muhammad Jamil Bayyuhum kita dapati bahawa terdapat keterkaitan antara idea beliau dengan Ibnu Khaldun. Ia dapat dilihat menerusi idea pertama Ibnu Khaldun (sejarah bersifat zahir dan batin) dengan idea pertama Muhammad Jamil Bayyuhum. Idea kedua Ibnu Khaldun (sejarah bersifat komprehensif) dengan idea kedua Muhammad Jamil Bayyuhum dan idea kelima Ibnu Khaldun (sejarah memerlukan rujukan dan pengetahuan yang pelbagai) dengan idea ketiga Muhammad Jamil Bayyuhum.

Maka, dapat dikatakan bahawa dalam falsafah sejarah, tatkala Ibnu Khaldun berbicara soal takrifan sejarah dari sudut zahir (pensejarahan) dan sudut batin (pentafsiran), Muhammad Jamil Bayyuhum telah tampil dengan pengapikasian falsafah sejarah dalam mentafsirkan sejarah kerajaan Uthmaniyah. Kaedah yang digunakan oleh beliau ialah kaedah sebab-akibat. Tatkala Ibnu Khaldun berbicara soal sifat sejarah yang komprehensif secara umum, Muhammad Jamil Bayyuhum tampil dengan cubaan beliau dalam mentafsirkan sejarah kerajaan Uthmaniyah dengan mengaitkan sejarah kerajaan-kerajaan yang sezaman dengannya.

Hal ini menjadikan membaca sejarah Uthmaniyah bagaimana membaca sejarah dunia sebagaimana yang kerap kali disebut di dalam karyanya itu. Begitu juga dengan aspek yang paling penting dalam penyelidikan iaitu penggunaan sumber, Muhammad Jamil Bayyuhum didapati telah memilih dan menggunakan sumber-sumber yang berautoriti dalam penulisannya itu. Hal ini secara langsung telah berjaya membukikan pernyataan Umar Farukh (1979):

Setiap daripada kita mengetahui bahawa pemikiran beliau dan juga pemikiran yang mendahului beliau ialah berasal daripada karya al-Muqaddimah Ibnu Khaldun. Namun, Muhammad Jamil Bayyuhum telah selangkah ke hadapan apabila beliau berjaya mengaplikasikan kaedah-kaedah yang telah susun oleh Ibnu Khaldun daripada idea falsafah sejarahnya yang umum itu kepada sejarah yang khusus meliputi sejarah kerajaan Uthmaniyah dan Empayar Byzantine.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan terhadap idea falsafah sejarah Ibnu Khaldun menerusi karya *al-Muqaddimah* dan idea falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum menerusi karya *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*, dapatlah dibuktikan bahawa benarlah terdapat pengaruh pemikiran Ibnu Khaldun menerusi idea falsafah sejarah Muhammad Jamil Bayyuhum. Selain itu, Muhammad Jamil Bayyuhum terbukti telah berjaya mengemaskini idea falsafah sejarah Ibnu Khaldun apabila berjaya buat pertama kalinya menghuraikan sejarah kerajaan Uthmaniyah menggunakan kerangka idea falsafah sejarah yang telah digagaskan oleh Ibnu Khaldun.

LAMPIRAN

Senarai rujukan yang digunakan oleh Muhammad Jaml Bayyuhum dalam kupasannya berkenaan pembinaan dan perkembangan kerajaan Uthmaniyah pada Bab 4, 5 dan 6:

| Bil. | Judul dan Penulis | Bahasa |
|------|--|-----------------------------------|
| 1. | <i>Turquie</i> , Joseph Marie Jouannin & Jules van Gaver | Perancis |
| 2. | <i>Falsafah al-Nasy'u wa al-Irtiqā'</i> , Dr. Syibli Syamil | Arab |
| 3. | <i>Al-Islam Ruh al-Madaniyyah</i> , Syeikh Mushthafa al-Ghalayini | Arab |
| 4. | <i>Futuhāt al-Syam</i> , al-Waqidi | Arab |
| 5. | <i>La Civilisation des Arabes</i> , Gustave Le Bon | Perancis |
| 6. | <i>L'Islam Et La Politique Des Alliés</i> , Enrico Insabato | Perancis |
| 7. | <i>Tarikh al-Tamaddun al-Islami</i> , Jurji Zaydan | Arab |
| 8. | <i>Histoire de la Turquie</i> , Theophile Lavallee | Perancis |
| 9. | <i>Histoire Du Développement Intellectuel De L'europe</i> , John William Draper | Perancis |
| 10. | <i>Histoire De L Empire Ottoman</i> , Jonquiere Le V De La | Perancis |
| 11. | رسملي وخریطه لي عثمانلي تاريخي، احمد راسم | Turki Uthmani |
| 12. | <i>Sir Tawsi' Awruba al-Duwalli</i> , Ramsay Muir | Terjemahan Arab daripada Inggeris |
| 13. | <i>La démocratie devant la science</i> , Célestin Bouglé | Perancis |
| 14. | <i>Introduction À L'histoire De L'asie: Turcs Et Mongols, Des Origines À 1405</i> , David-Léon Cahun | Perancis |
| 15. | <i>Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna al-Zaman</i> , Ibnu Khalikan | Arab |
| 16. | <i>Manjam al-'Umran fi al-Mustadrak 'ala Mu'jam al-Buldan</i> , Muhammad Amin al-Khanji | Arab |
| 17. | <i>Tarikh Syamil</i> , Ibnu al-'Abirri | Arab |
| 18. | <i>Tarikh al-Dawlah al-'Aliyyah al-'Uthmaniyyah</i> , Muhammad Farid Bek | Arab |
| 19. | <i>Dairah al-Ma'arif</i> , al-Bustani | Arab |
| 20. | <i>Mu'jam al-Buldan</i> , Yaqut al-Hamawi | Arab |
| 21. | <i>Tafsir al-Jalalain</i> , al-Mahali & al-Suyuthi | Arab |
| 22. | <i>Shafwah al-'Itibar bi Mustawdi' al-Amshar wa al-Aqthar</i> , Muhammad bin Musthafa Bayram | Arab |
| 23. | <i>Al-Kamil fi al-Tarikh</i> , Ibnu al-Athir | Arab |
| 24. | <i>Tarikh Jawdat Basya</i> , Jawdat Basya | Arab |
| 25. | <i>La Mort De Stamboul</i> , Victor Berard | Perancis |

| | | |
|-----|---|----------|
| 26. | <i>Histoire Du Moyen Age</i> , Desire Blanchet | Perancis |
| 27. | <i>Tarikh al-Mukhtasar fi Akhbar al-Basyar</i> , Abu al-Fida' | Arab |
| 28. | <i>Maraah al-Ayyam</i> , Khalil Mathran | Arab |
| 29. | <i>Futuhat al-Islamiyyah</i> , Syeikh Zaini Dahlan | Arab |

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan kepada pihak Zakat UKM untuk tajaan pengajian yang telah diberikan kepada pengkaji. Semoga kajian seperti ini sedikit sebanyak dapat memberikan manfaat daripada wang zakat yang telah diberikan dalam usaha mengembangkan lagi pengkajian berkenaan tokoh Muhammad Jamil Bayyuhum.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah (2009). *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdurrahman Kasdi (2014). Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Perspektif Sosiologi dan Filsafat Sejarah. *Fikrah* 2(1): 291-307.
- Ahmad Abd al-Rahim Mushthafa (1986). *Ushul al-Tarikh al-'Uthmani*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Caroline Finkel. (2006). *Osman's Dream: The Story of the Ottoman Empire 1300-1923*. London: John Murray.
- Emrah Kaya. (2020). A Critical Approach to Casualitu and Rational Knowledge in Ibn Khaldun. *ULUM* 3(2): 241-261.
- Ibnu Khaldun, Abd al-Rahman bin Khaldun (2004). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Tahqiq Abdullah Muhammad al-Darwisy. Damsyik: Dar Ya'rub.
- Jacob G. Ghazarian. (2000). *The Armenian Kingdom in Cilicia during the Crusades: The Integration of Cilician Armenians with the Latins (1080-1393)*. London: Routledge.
- Muhammad Jamil Bayyuhum. (1925). *Falsafah al-Tarikh al-'Uthmani*. Beirut: Mathba'ah Maktabah Shadir.
- Murat Önder & Fatih Ulaşan. (2018). Ibn Khaldun's cyclical theory on the rise and fall of Sovereign powers: the case of Ottoman Empire. *Adam Akademi* 8(2): 231-266.
- Syakir Afandi al-Hanbali. (1913). *Talkhis al-Tarikh al-'Uthmani al-Mushawwar*. Damsyik: Al-Maktabah al-Hasyimiyyah.
- Umar Farukh (1979). Muhammad Jamil Bayyuhum. *Al-'Irfan* Februari: 139-158.